

10 MAY 1999

Mahathir-pertemuan

MAHATHIR MINTA BELIA PERTAHAN KEDAULATAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta golongan belia supaya mempertahankan kedaulatan dan keharmonian negara.

Perdana Menteri juga mahu mereka supaya memahami segala dasar kerajaan dan membantu dalam usaha memulihkan ekonomi negara secepat mungkin.

Dr Mahathir berkata demikian dalam satu perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin pertubuhan belia untuk menjelaskan mengenai isu-isu semasa.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang turut hadir pada perjumpaan itu memberitahu pemberita bahawa Dr Mahathir menjelaskan kepada mereka mengenai usaha yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara.

Pertemuan selama dua jam anjuran Kementerian Belia dan Sukan itu diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Lebih 100 pemimpin dari 20 pertubuhan belia termasuk Majlis Belia Malaysia (MBM), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), persatuan pelajar universiti dan Gerakan Belia 4B menghadiri perjumpaan secara tertutup itu.

Muhyiddin berkata Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai isu politik semasa negara termasuk pendirian kerajaan mengenai hukum Hudud.

Perdana Menteri meminta golongan belia supaya mempertahankan sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara dan tidak terikut-ikut dengan budaya di sesetengah negara.

Muhyiddin berkata Dr Mahathir mahu belia memastikan semua tindakan kerajaan dapat dilaksanakan bagi menjaga kepentingan negara.

Mengenai sambutan daripada pemimpin pertubuhan belia yang menghadiri perjumpaan itu terhadap penjelasan Dr Mahathir, beliau berkata mereka berpuas hati.

"Ini merupakan kali pertama mereka mendapat penjelasan daripada Dr Mahathir sendiri mengenai isu-isu politik dan ekonomi semasa," kata Muhyiddin.

Perdana Menteri dijadual merasmikan Hari Belia pada Sabtu ini.

-- BERNAMA

ES MAI